

04 DEC 1999

LEBIH 10,000 KUNJUNGI SEGMENT UDARA LIMA `99

LANGKAWI 4 Dis (Bernama) -- Lebih 10,000 orang termasuk pelancong asing mengunjungi segmen udara pada Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA `99) apabila ia mula dibuka kepada orang ramai mulai hari ini.

Pengerusi Le Proton LIMA Sdn Bhd Datuk Radzi Manan berkata sambutan itu mengalakan dan berharap bilangan itu akan bertambah untuk hari terakhir esok.

LIMA `99 yang berlangsung enam hari, dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Rabu lepas.

Tinjauan Bernama mendapati ramai pengunjung terutama penduduk tempatan lebih berminat berkunjung pada sebelah petang.

Pengunjung dewasa dikenakan bayaran masuk RM20 dan RM10 bagi kanak-kanak.

Pemandangan indah di Bukit Chengkuan, kira-kira 2 km daripada Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri, tempat pertunjukan segmen udara, masih menjadi tumpuan para pengunjung yang menyaksikan pertunjukan udara kerana pemandangan menyeluruh lebih jelas di kawasan tinggi itu.

-- BERNAMA

ZI LAT